

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 SEPTEMBER 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN

Dasar luar biasa diperlukan pacu semula ekonomi

Kerajaan mesti ambil kira kesan teruk pandemik terhadap perniagaan, kehidupan rakyat

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kerajaan memerlukan dasar luar biasa untuk memacu semula ekonomi negara dengan keutamaan terhadap kesejahteraan rakyat dan pembangunan semula perniagaan.

Pengasas dan Pengerusi Sunway Group, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah, berkata ekonomi negara yang sudah terjejas teruk akibat COVID-19 memerlukan inisiatif luar biasa untuk bangkit semula.

"Selain rakyat, perniagaan memerlukan sokongan untuk kembali aktif dalam aspek pelaburan.

"Mereka memerlukan sesuatu yang luar biasa untuk membangunkan semula perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada forum MIDF Conversations yang diadakan secara maya.

Forum dikendalikan Pengarah Urusan Malaysian Industrial Development Finance Bhd (MIDF), Dato' Charon Mokhzani yang bertindak sebagai moderator.

Mengulas lanjut, Cheah yang juga pengasas dan Pemegang Amanah Yayasan Jeffrey Cheah berkata, inisiatif luar biasa itu perlu dikemukakan dalam Belanjawan 2022.



Cheah pada forum MIDF Conversations yang diadakan secara maya, semalam.

Katanya, belanjawan tahunan yang dijadualkan dibentangkan di Parlimen pada 29 Oktober ini perlu berbeza dengan belanjawan terdahulu selepas mengambil kira kesan ekonomi dicituskan pandemik yang menyebabkan kadar pengangguran terus melonjak, kesukaran rakyat serta perniagaan.

"Perlu ada dasar yang menggalakkan perniagaan untuk terus yakin dengan kerajaan dan dapat memastikan rakyat keluar daripada kemelut yang belum pernah terjadi ini.

"Semua perlu bersatu untuk membawa kesejahteraan kepada institusi. Malaysia memerlukan strategi untuk menyelesaikan masalah dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan.

"Pendekatan digital perlu dilaksanakan secara meluas dalam pelbagai aspek. Ini zaman digital bukan lagi analog," katanya.

Berhubung dengan program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), beliau menegaskan, dasar itu perlu dikekalkan kerana membawa banyak manfaat kepada

Perlu ada dasar yang menggalakkan perniagaan untuk terus yakin dengan kerajaan dan dapat memastikan rakyat keluar daripada kemelut yang belum pernah terjadi ini

Jeffrey Cheah,
Pengerusi Sunway Group

ekonomi negara.

"Saya berharap dasar berkenaan tidak banyak diubah kerana kebanyakan peserta menyumbang kepada ekonomi negara dengan menarik minat pelaburan asing dan kemasukan pelancong ke Malaysia.

"Perlu fikir dengan berhati-hati sebelum ubah dasar ini," katanya.

Bulan lalu, media melaporkan program MM2H yang sebelum ini dibekukan kini beroperasi semula dengan beberapa penambahbaikan dan syarat baharu kepada peserta.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Datuk Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, dilaporkan berkata ia berikutan kerajaan memahami kebimbangan rakyat mengenai kemasukan warga asing yang akan menambah lambakan warga berkenaan di negara ini.

Berikutan itu, Wan Ahmad Dahlan berkata, kerajaan bersetuju memperkenalkan dan menetapkan jumlah peserta (prinsipal dan tanggungan) pada satu masa tidak melebihi satu peratus daripada jumlah warganegara Malaysia.

Bagaimanapun, Isnin lalu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, bertitah kerajaan perlu menyemak semula syarat MM2H bagi mencapai imbangan positif kemasukan pelabur dan pertumbuhan ekonomi negara.

Semalam, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin pada sidang media pertama selepas kembali semula ke Kementerian Dalam Negeri (KDN) berkata, beliau sudah mengarahkan pegawainya untuk menghubungi individu terbabit bagi mengetahui hasrat mereka untuk terus berada pada program MM2H di negara ini.

Ia berikutan, kira-kira 8,000 daripada 57,478 peserta prinsipal dan tanggungan program terbabit didapati tidak bermastautin di negara ini.

Hamzah berkata, kerajaan sudah melakukan penambahbaikan syarat permohonan Program MM2H, namun peserta sedia ada diminta tidak gusar dengan usaha yang dijalankan kerajaan itu.